

MENGANGKASA PENGAJIAN TINGGI

Masa hadapan – Menjangkau Bintang Meraih Mercuri

Zaini Ujang¹

ABSTRAK

Kertas ini cuba membincangkan tiga konsep berkaitan pengangkasaan pengajian tinggi: (a) wawasan pengajian tinggi (b) budaya ilmu yang menjadi asas perkembangan pengajian tinggi (c) beberapa cadangan untuk menyemarakkan lagi budaya ilmu di universiti bagi membolehkan sektor pengajian tinggi tempatan terus berkembang setanding dengan kemajuan di negara maju.

PENDAHULUAN

Mengangkasa Pengajian Tinggi adalah judul buku saya yang memuatkan pandangan dan wawasan saya secara kronologikal terhadap pengajian secara menyeluruh tidak terhad kepada aspek pentadbiran dan “akademik” semata-mata.² Penerbitan buku tersebut – menurut Prof. Wan Mohd. Nor Wan Daud – “tidak banyak di Malaysia ... penting diberi perhatian serius oleh semua pembuat dasar, ahli akademik dan pemimpin institusi pengajian tinggi di negara ini” - diharap dapat memperkaya dan memeriahkan lagi suasana akademik di Malaysia dengan percambahan idea, perkongsian maklumat dan perbahasan beradab. Suasana akademik sedemikian menjadi prasyarat untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi rantau ini.

Saya mempunyai banyak sebab menulis buku tersebut. Selain untuk cuba mendokumentasikan pengalaman dan pemikiran tentang pengajian tinggi, buku

¹ Kertas kerja ini dibentangkan oleh Prof. Dato’ Zaini Ujang, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada Seminar Percambahan Pemikiran Islam – Dimensi Tujuh Prinsip Universiti APEX di Universiti Sains Malaysia pada 9 Jun 2009.

² Penerbit UTM Press, 2009.

itu juga merupakan memmanifestasi tradisi ilmu yang sangat menekankan kepada budaya cetak (*print culture*). Memang budaya lisan (*oral culture*)³ penting khususnya dalam menyampaikan syarahan atau menjelaskan sesuatu nilai dalam bentuk penceritaan dan sastera.⁴ Hal ini juga penting dalam konteks pengajaran dan penyampaian konsep ilmu atau isu dalam konteks interaksi antara guru dengan murid, apatah lagi dalam tradisi pengajian Islam secara *talaqqi*.⁵ Pada hemat saya, biarpun pengajian secara lisan dilaksanakan tetapi konsepnya masih berakar kepada budaya cetak di mana setiap perkataan diingat dan dilafazkan ayat demi ayat sebagaimana dalam bentuk tulisan. Bedanya tulisan tersebut tidak ditulis di kertas tetapi disematkan di hati dan dilakarkan dalam fikiran.

Dalam tradisi ilmu seluruh peradaban, kepentingan budaya cetak lebih mengakar sejak ribuan tahun lalu. Hal ini berlaku sejak zaman Greek dengan lakaran pelbagai bentuk tulisan pada dinding dan arca. Tamadun China memperkenalkan pencetak kayu sejak abad 800 Sebelum Masihi. Tamadun Islam pula memperkenalkan pena dan penulisan ilmu pada lembaran kertas. Itulah faktor seseorang tokoh ilmu dikaitkan dengan hasil penulisannya, khususnya menerusi sesuatu *magnum opus*.

Pada hemat saya, suasana dan amalan memperkasa budaya cetak ini nampaknya tidak begitu menyerlah ketika ini, biarpun pelbagai dasar dan inisiatif dilancarkan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di rantau ini. Untuk menjadi lebih efektif dalam proses pembudayaan ilmu pada peringkat individu dan pembentukan sesebuah komuniti akademik yang mantap, maka kita perlu berkarya, membaca dan berwacana pada tahap sewajarnya.

Hakikatnya menulis adalah tradisi dan rutin intelektual paling penting. Menulis adalah kemahiran ilmiah paling utama. Dan menulis juga perlu menjadi amalan hidup dan sinonim kepada seseorang tokoh dan pencinta ilmu, bukan sahaja dalam disiplin pengkhususan masing-masing tetapi juga dalam soal umum melibatkan idealisme, institusi dan budaya ilmu. Einstein misalnya, bukan hanya menulis tentang fizik dan matematik, tetapi turut menulis tentang isu semasa dari perspektif ilmiah dan pemikiran saintifik.⁶

³ Perbincangan tentang budaya lisan dalam sastera tulisan, lihat misalnya Md. Nasir Hamid, *Bentuk dan Teknik Sastera Lisan dalam Sastera Tulisan: Hikayat Raja Pasai*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2004.

⁴ Lihat misalnya Rogayah A. Hamid dan Wardati M. Sheriff, *Tradisi Lisan: Menifestasi Cendekiawan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2007.

⁵ Makna *talaqqi* ialah pengajian berguru secara berdepan dan mengikuti amalan memberi ijazah selepas tamat. Pengajaran secara *talaqqi* menjadi amalan di pengajian pondok dan dalam kalangan sufi sehingga kini dengan guru mestilah seorang yang pernah mempelajari dari guru sebelumnya secara lisan dan amal yang berkesinambungan hingga kepada Rasulullah s.a.w.

⁶ Einstein, A. *Ideas and Opinions*, Wings Books, New Jersey, 1954.

Tajuk buku saya menggunakan istilah “Mengangkasa” dalam konteks pembangunan pengajian tinggi. “Mengangkasa” bermakna meletakkan pada kedudukan yang tinggi - nun jauh terbang di angkasa, menjangkau bintang meraih mercu - sebagaimana angkasawan menerobos ruang atmosfera. Istilah itu juga menunjukkan betapa pengajian tinggi perlu diangkat ke martabat tinggi supaya kedudukan dan kepentingannya dapat dihargai, diimpikan dan dihayati oleh semua pihak, bukan hanya di kalangan pelajar dan komuniti akademik, malah seluruh lapisan masyarakat.

Istilah “mengangkasa” dipopularkan oleh YAB Dato’ Sri Mohd Najib Abdul Razak, dalam ucapan dasar berjudul “Mengangkasa Tamadun Bangsa” pada satu perhimpunan siasah.⁷ Mengangkasa tamadun bangsa mempunyai konotasi struktural dalam konteks pembangunan dan penghayatan. Dengan kata lain, “mengangkasa” adalah suatu ideal yang memerlukan transformasi menyeluruh dalam konteks memartabatkan sesebuah tamadan, termasuklah pengajian tinggi negara. Menurut Dato’ Sri Mohd Najib, “Bangsa Angkasa” ialah bangsa yang sentiasa mempunyai impian tertinggi, dan tamadun hebat. Untuk itu, sesebuah bangsa angkasa perlu menguasai pelbagai disiplin sains dan teknologi, memiliki pengetahuan dan kemahiran, menguasai pelbagai bahasa, menjana ilmu, mengukuhkan iman, berbudaya cemerlang dan bercita-cita setinggi angkasa. “Mengangkasa” adalah suatu pencapaian tertinggi sebagai ideal, wawasan, impian dan cita-cita. Mengangkasa juga bermakna mencapai tahap paling cemerlang, gemilang dan terbilang.

WAWASAN

Sektor pengajian tinggi di Malaysia sedang berkembang pesat, paling ketara, sejak sedekad lalu menerusi pelbagai pembaharuan dari segi dasar dan inisiatif. Dari hanya 11 buah institusi bertaraf universiti dan kolej universiti pada pertengahan 1990-an, kini angkanya menjangkau 62 buah (21 institusi pengajian tinggi awam dan selebihnya swasta). Perkembangan ini dirangka selari dengan keperluan pembangunan intelektual, insaniah dan sumber manusia, bukan sahaja untuk keperluan tempatan malah dipacu gagasan menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi rantau ini.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara⁸ dirangka sedemikian rupa sebagai landasan untuk mengangkat status dan pencapaian pengajian tinggi negara ke tahap setanding dengan negara yang telah jauh maju ke hadapan seperti Amerika Syarikat, Britain, Jepun dan Kanada. Pelan tersebut juga – menerusi pelbagai dasar, inisiatif, insentif dan program baru – diharap dapat dilaksanakan seadanya selaras dengan transformasi pengajian tinggi negara.

⁷ Ucapan dasar YAB Dato’ Sri Mohd Najib Razak semasa merasmikan Persidangan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO, 6 November 2007 di PWTC, Kuala Lumpur

⁸ Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Kementerian Pengajian Tinggi, 2007.

Pada hemat saya inilah latar belakang seminar ini. Secara khusus, seminar ini menyorot tentang wawasan, arah tuju, penanda aras, amalan terbaik dan citra komuniti akademik, termasuklah golongan mahasiswa.

Mahasiswa dan graduan ideal, seharusnya memiliki kemahiran berfikir, keupayaan berhujah, kesantiaian berkomunikasi mengikut pelbagai dimensi dan perspektif, pencinta ilmu dan pemburu kebenaran, berwatakan mulia dan mahir dalam pencarian ilmu. Dengan kemahiran ini, mereka mampu mengharungi pelbagai situasi dan memasuki pasaran kerja dengan lebih selesa berbanding dengan graduan “pasang siap” yang lebih menumpu kepada beberapa kemahiran teknikal dan amalan profesional tertentu yang kadangkala lemah pula dari segi kemahiran berfikir, berkomunikasi dan mesra ilmu.

Untuk itu, saya berpendapat bahawa persekitaran dan budaya ilmu menjadi prasyarat terpenting bagi melahirkan mahasiswa dan graduan ideal dalam pengertian yang holistik dan bersepadu, akademik dan sahsiah.⁹

BUDAYA ILMU

Konsep dan frasa “budaya ilmu” mula diperkenalkan oleh Prof. Wan Mohd. Nor Wan Daud menerusi risalah berjudul *Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat dan Perlaksanaan di Malaysia*¹⁰. Menurut tafsiran beliau, budaya ilmu adalah kewujudan suatu keadaan setiap lapisan masyarakat melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dengan kegiatan-kegiatan keilmuan pada setiap kesempatan; dan keadaan di mana segala tindakan manusia baik pada tahap individu atau masyarakat, ditentukan dan diputuskan serta dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan. Konsep tersebut terus dikembang dan dibahaskan secara lebih terperinci dalam penulisan beliau kemudiannya.

Justeru, syarahan ini bukan bertujuan untuk memberi definisi dan dimensi baru terhadap budaya ilmu. Tujuan saya ialah mengumpulkan semula pandangan dan dimensi berkaitan konsep, nilai dan amalan ilmu dalam konteks pemeraksanaan budaya ilmu dalam konteks pengajian tinggi. Secara lebih spesifik, risalah ini diharap dapat dijadikan panduan oleh seluruh masyarakat kampus dari mahasiswa, pensyarah, profesor, pentadbir, penyelidik, staf sokongan daripada pembantu tadbir, pemandu, pembantu makmal, penyelia perpustakaan sehinggalah penyelia asrama dan pegawai keselamatan untuk turut sama menyubur dan menyemarakkan lagi komitmen dan amalan budaya ilmu dalam kehidupan harian.

Dalam semua tamadun termasuklah tamadun Islam, budaya ilmu menjadi teras kemajuan dan jati diri. Menerusi budaya ilmu, program dan aktiviti berkaitan ilmu

⁹ Penjelasan tentang kepentingan budaya ilmu dan konteks pengajian tinggi dijelaskan menerusi buku terkini, Zaini Ujang, *Memperkasa Budaya Ilmu: Konsep dan Amalan*, Penerbit UTM Press, 2009.

¹⁰ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Budaya Ilmu: Konsep, Prasyarat dan Perlaksanaan di Malaysia*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1988.

seperti pendidikan, pengubalan dasar, atur cara majlis, gaya dan cara hidup, dan sebagainya mestilah berteraskan kepada kefahaman dan martabat ilmu yang dianggap suatu keutamaan tertinggi dalam sistem nilai peribadi dan masyarakat di semua peringkat.

Budaya ilmu tidak boleh sekali-kali terhad kepada usaha keilmuan dilakukan oleh segolongan kecil ahli masyarakat sahaja, apatah lagi dibebankan semata-mata kepada mahasiswa dan pensyarah dalam konteks pembinaan masyarakat berpendidikan tinggi di kampus semata-mata. Semua pihak dalam sesebuah masyarakat wajib menjalani kehidupan sebagai penuntut ilmu sepanjang hayat, sama ada secara formal, tidak formal atau bukan formal. Namun demikian, disebabkan ufuk ilmu terlalu luas maka pengkhususan ilmu amat diperlukan. Pengkhususan tidak bermakna menyempitkan nilai dan skop ilmu kepada sesuatu disiplin yang akhirnya tidak menyerlah kesepaduan ilmu. Pengkhususan boleh dijayakan sekaligus dengan kesepaduan ilmu apabila diasaskan kepada teras dan paksi yang sama untuk mencapai matlamat ilmu, kerana hakikatnya sesuatu ilmu itu saling melengkapi antara satu dengan yang lain.

Ringkasnya, dalam sesebuah masyarakat yang mendukung budaya ilmu yang subur dan mantap maka tingkah laku masyarakat di seluruh peringkat dan lapisan – tanpa mengenal usia, kerjaya, harta, dan status sosial – akan berteraskan kepada pengajian dan penghayatan ilmu. Sementara itu kepentingan dan perkiraan lain apatah lagi berasaskan sentimen dan dimensi sempit kelompok politik, status sosial, percaturan ekonomi, sentimen kesukuan atau mazhab tidak boleh menjadi asas paling utama dalam sistem nilai. Menerusi sistem nilai berteraskan budaya ilmu maka terhasil keharmonian, barakah dan kesejahteraan kerana nilai kebenaran dan keadilan menjadi menjadu tunggak dan asas masyarakat.

Budaya ilmu menjadi teras syarahan ini kerana pada hemat saya, sesebuah universiti berkembang dan disegani bukan hanya kerana program akademik yang ditawarkan atau kelayakan akademik dan pengiktirafan profesional para pensyarah yang berjela. Sebaliknya, lebih kepada pembudayaan dan persekitaran ilmiah yang merangsang minda, menguji cendekia, mengamit kreativiti, memacu inovasi dan yang terpenting, mesra ilmu. Dan sesebuah universiti itu ditunjangi oleh kewibawaan para sarjana dan profesornya. Kewibawaan tersebut dinilai menerusi pencapaian ilmiah dalam bentuk pengalaman menelusuri disiplin ilmu, penulisan berwibawa, citation dan sebagainya.¹¹

¹¹ Hal ini menjadi perbincangan hangat tentang penilaian mengenai kewibawaan seseorang profesor atau sarjana moden. Umumnya penilaian tersebut semakin bersifat kuantitatif menerusi pengukuran bilangan dan indeks sebagaimana yang digunakan dengan meluas menerusi ranking yang dijalankan oleh Times Higher Education Supplements (THES). Penjelasan tentang isu ini, lihat misalnya, Zaini Ujang, *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, hal. 217-223.

Kita tidak boleh nafikan berbanding 10 tahun lalu, memang banyak pencapaian dan peningkatan pelbagai aspek dalam bidang pengajian tinggi di Malaysia. Ketika ini kepakaran dalam hampir setiap bidang dan disiplin ilmu terdapat di universiti tempatan, daripada sains angkasa hingga pengajian alam mikro dan nano. Bahkan ada juga di kalangan pensyarah yang mengkhusus dalam disiplin ilmu yang selama ini tidak tergambarkan, malah boleh dianggap kurang relevan dengan keperluan negara 20 tahun lalu, seperti gempa bumi, sejarah Amerika Latin dan pencairan ais di kutub.

Inilah yang membuatkan bidang pengajian tinggi di Malaysia semakin berkembang, didokong oleh komuniti sarjana dan pelajar yang dedikasi dan berkecayaan tinggi. Inilah juga yang memungkinkan pihak Kementerian Pengajian Tinggi meletakkan wawasan dan misi “mengangkasa” pengajian tinggi sebagaimana yang terkandung dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dilancarkan Perdana Menteri pada Oktober 2007.

Realitinya kewujudan budaya ilmu bukan baru dalam Alam Melayu di rantau ini. Penekanan tentang peri pentingnya ilmu telah lama wujud dalam masyarakat Melayu. Pendeta Za’ba pernah menegaskan bahawa ilmu pengetahuan adalah asas terpenting yang boleh menyelamatkan manusia daripada belunggu kemunduran. Beliau menjelaskan bahawa:

”Maka segala punca sekalian jalan-jalan ini [mencari kemajuan], tidak syak lagi ialah ilmu pengetahuan dan pelajaran. Di atas asas-asas inilah dibina bangunan-bangunan yang lain dan daripada inilah diterbitkan persenjataan dan kelengkapan bagi membantu jalan-jalan yang lain”.¹²

Menurut Za’ba lagi, setiap insan perlu mempelajari ”padanya daripada serendah-rendah ilmu hingga sampai kepada setinggi-tinggi ilmu yang sudah melintasi di hadapan hati manusia. Ilmu juga boleh didapati dalam lapangan pendidikan yang berasaskan kemahiran atau praktikal”. Za’ba berharap agar ‘pelajaran yang sempurna’ disediakan bagi kanak-kanak yang bertujuan untuk:

”melayakkan si murid itu bagi peperangan kehidupan dan menjadi seorang manusia (atau menjadi orang) dan anak negeri yang layak dan jaya dalam di dalam dunia serta mulia kehidupannya di akhirat”.¹³

Pepatah Melayu menyebut bahawa orang yang berilmu perlu ”mengikut resmi padi, semakin tunduk semakin berisi”. Para penuntut ilmu dan ilmuwan tidak boleh bermegah dengan ilmunya. Hikmah seseorang yang berilmu juga disebut oleh pemikir Melayu Johor-Riau yang tersohor pada pertengahan abad ke-19, Raja Ali Haji dalam Gurindam Melayu seperti berikut:

¹² *Lembaga Melayu*, 6 Jun 1917

¹³ *Lembaga Melayu*, 5 Julai 1917

Jika hendak mengenal orang berbangsa,
 lihat kepada budi dan bahasa,
 Jika hendak mengenal orang yang berbahagia,
 sangat memeliharakan yang sia-sia.
 Jika hendak mengenal orang mulia,
 lihatlah kepada kelakuan dia.
 Jika hendak mengenal orang yang berilmu,
 bertanya dan belajar tiadalah jemu.
 Jika hendak mengenal orang yang berakal,
 di dalam dunia mengambil bekal.
 Jika hendak mengenal orang yang baik perangai,
 lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.

KECEMERLANGAN UNIVERSITI

Asas kewujudan dan kecemerlangan sesebuah universiti ialah pementapan budaya ilmu dan ekosistem akademiknya.¹⁴ Itu sebabnya universiti ternama biasanya dikaitkan dengan sejarahnya yang panjang tanda kematangan dan kemantapan. Selain itu, budaya serta iklim akademik universiti ternama ini terserlah menerusi keperibadian dan wawasan di kalangan profesor dan komuniti akademiknya. Kesungguhan mereka menekuni pelbagai disiplin keilmuan dan keghairahan menjadi pelopor kepada sesuatu disiplin ilmu baru yang menjadi igauan, trend dan ikutan.

Pelbagai persoalan dan isu - sama ada yang berupa sokongan dana pembiayaan kerajaan dan swasta, pengiktirafan profesional, kemudahan infrastruktur dan anugerah berprestij - sebenarnya merupakan perkara sampingan yang memang menyumbang kepada kecemerlangan sesebuah universiti. Dalam tradisi keilmuan sepanjang sejarah, kecemerlangan ilmu dan kemantapan budaya ilmu tidak terikat kepada sokongan pemerintah, dana besar dan pengiktirafan pelbagai pihak.

Jika dikaji hayat tokoh ilmu dari semua tradisi – Imam Shafie (767-820), Imam Ghazali (1058-1111), Al-Biruni (973-1048), Ibnu Sina (980-1037), Galileo Galilei (1564-1642), Leonardo da Vinci (1452-1519), Marie Curie (1867-1934), Hamka (1909-1981) – misalnya, tidak mendapat layanan istimewa daripada pemerintah, malah ada yang dipenjarakan dan Galileo Galilei dihukum bunuh kerana komited mempertahankan pandangan terhadap sesuatu asas ilmu.

¹⁴ Konsep ekosistem akademik ini saya kemukakan dalam konteks pengajian tinggi merujuk kepada seluruh komponen dalam sesebuah komuniti ilmu merangkumi staf akademik, staf bukan akademik, mahasiswa, infrastruktur fizikal, maya dan kepustakaan. Sebagaimana ekosistem tabii, ekosistem akademik memerlukan penglibatan, jalinan, kerjasama, sinergi dan hubungkait antara semua komponen dalam komuniti ilmu tersebut.

Justeru untuk menjadikan sebuah institusi ilmu sebagai universiti yang cemerlang dan ternama, langkah utama yang perlu disegerakan ialah mewujudkan komuniti akademik yang mantap dari segi budaya ilmu dengan ekosistem intelektual yang kondusif. Hal ini boleh dimantapkan lagi menerusi pelbagai prasarana intelektual (tanpa mengabaikan prasarana fizikal) dengan pelbagai insentif akan menggalakkan proses pembenihan dan penyuburan ilmu.

Sehubungan itu, dalam keghairahan kita dengan idealisme dan budaya ilmu, seluruh warga kampus juga wajar bersikap pragmatik dan realistik. Kita juga perlu peka kepada persekitaran semasa, tuntutan pelbagai *stakeholders* dan garis panduan dalam setiap tatacara. Sebagai contoh, sesebuah universiti sentiasa dinilai untuk penarafan oleh pihak tertentu yang memberi kesan kepada reputasi dan kewibawaan institusi. Justeru itu, aspek kecemerlangan akademik akan dinilai berdasarkan “output”, hasil kerja dan bukannya “input”, proses atau prosedur kerja. Hasil kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), penerbitan dan kegiatan akademik yang lain akan dinilai menggunakan pelbagai petunjuk utama prestasi (KPI) dan penilaian rakan sebidang (*peer review*). Mahu tidak mahu kita perlu proaktif untuk menghadapinya.

Dalam hal ini, tradisi akademik memang sering dinilai dan menilai. Hal ini juga menjadi amalan bukan sahaja dalam penganugerahan sesuatu ijazah, bahkan kepada pencapaian seseorang staf akademik. Tradisi saling menilai antara satu sama lain ini menjadi resam yang telah lama diamalkan, khususnya dalam konteks pelantikan seseorang profesor atau profesor madya di sesebuah universiti. Perkara ini perlu dijelaskan supaya tidak wujud keresahan dan tanda tanya tentang tata cara perlantikan akademik. Prinsipnya ialah pelantikan seseorang staf akademik menjadi pemimpin akademik apatah lagi di peringkat kepimpinan universiti perlu dapat dipertahankan dari segi komitmen, pencapaian dan kewibawaan kesarjanaan.

Sebagai Naib Canselor UTM - misal yang sangat peribadi sifatnya – saya berusaha untuk memastikan staf akademik UTM memenuhi piawaian kualiti yang boleh dibanggakan dan berwibawa dalam bidang masing-masing, sekaligus berusaha untuk menghayati budaya ilmu seadanya. Sehubungan itu, UTM berusaha mendapat khidmat staf akademik yang berkualiti dan berwibawa sarjana, menerusi empat cara iaitu:

- i. Mendapatkan perkhidmatan di kalangan profesor warga tempatan yang ternama termasuklah di kalangan pesara yang masih proaktif dan producttif untuk menerajui sesuatu disiplin ilmu.
- ii. Menawarkan skim dan insentif perkhidmatan yang menarik untuk pelbagai jawatan termasuklah profesor kepada warga asing yang boleh memberi sumbangan kepada sesuatu disiplin ilmu dan pengkayaan budaya ilmu.

- iii. Melahirkan tokoh akademik tempatan yang tersohor dalam bidang kepakaran dan komited sebagai sarjana teladan menerusi pelbagai insentif.
- iv. Memberi pendedahan antarabangsa kepada warga UTM, khususnya di kalangan pensyarah untuk pengukuhan bidang ilmu dan memperluaskan jaringan antarabangsa sekaligus menyemarakkan lagi budaya ilmu di segenap peringkat.

MENYEMARAKKAN BUDAYA ILMU

Universiti perlu berupaya menghasilkan mahasiswa dan graduan ideal yang memenuhi ciri-ciri kesarjanaan, keluhuran budi dan kemahiran insaniah. Mereka bukan sahaja berjiwa besar malah dengan keperibadian sedemikian membolehkan mereka mampu mengharungi pelbagai situasi dan memasuki pasaran kerja dengan lebih selesa berbanding dengan graduan 'pasang siap' yang lebih menumpu kepada beberapa kemahiran teknikal dan amalan profesional tertentu yang kadangkala lemah pula dari segi kemahiran berfikir, berkomunikasi, berbudaya dan mesra ilmu.

Sebagai warga kampus, kita perlu konsisten dan komited untuk menjayakan program pembudayaan ilmu terutamanya dalam kalangan warga kampus sendiri, tetapi tidak terhad kepada staf akademik semata-mata. Saya ulang untuk kesekian kalinya bahawa semarak budaya ilmu perlu dihayati seluruh lapisan warga kampus dari mahasiswa, staf akademik dan staf bukan akademik.

Selain itu, kita juga kritis terhadap definisi, komitmen dan idealisme intelektual. Apakah semua staf akademik merupakan intelektual atau sekadar inteligensia dan pemilik ijazah pengajian tinggi sahaja?¹⁵ Apakah budaya ilmu mengakar dalam kehidupan harian kita sehingga menjadi mauduk yang difikirkan berhari-hari dan iktibar yang dijadikan panduan kesarjanaan sepanjang hayat? Pembudayaan ilmu ini perlu kerana sesebuah universiti disegani bukan hanya kerana program akademik yang ditawarkan atau kelulusan akademik dan kelayakan profesional para pensyarahnya yang berjela. Sebaliknya, lebih kepada pembudayaan dan persekitaran akademik yang merangsang minda, menguji cendekia, mengasah kreativiti, memahat inovasi dan mesra ilmu.

Perlu difahami bahawa ketika ini peranan universiti, termasuklah di kebanyakan negara maju – sama ada disengajakan, disedari atau terpaksa pasrah kepada realiti semasa - telah mengecil kepada proses pengijazahan dan penyelidikan sahaja.¹⁶ Universiti juga nampaknya semakin tersudut dalam konteks pembinaan minda kelas pertama dan pembudayaan ilmu yang tulus. Hal ini berlaku kerana hampir semua IPTA lebih menumpukan kepada perkembangan program

¹⁵ Lihat misalnya, Syed Hussein Alatas, *Intellectuals in Developing Societies* (Terjemahan: *Intelektual Masyarakat Membangun* oleh Bambang Supriady) Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.

¹⁶ Lihat misalnya Vest, C.M., *The American Research University: From World War II to World Wide Web*, University of California Press, Berkeley, 2007.

akademik yang relevan dengan situasi semasa, terutamanya yang berkaitan dengan permintaan dalam pasaran kerja. Tumpuan tersebut terarah kepada seluruh kapasiti dan sumber universiti dari segi pentadbiran, pengiktirafan, kualiti, dan pemasaran. Kadangkala, dapat dirasakan betapa menjadi pensyarah atau ahli akademik tidak lagi memerlukan kemantapan intelektual dan kesegaran idealisme terhadap akademia. Apa yang lebih diperlukan ialah kecekapan mengurus, kebijaksanaan mengelola, sikap positif terhadap kerjaya di samping pengetahuan khusus pada peringkat ijazah doktor falsafah atau PhD dalam bidang-bidang tertentu.

Aspek yang menjurus kepada pembinaan minda kelas pertama dan pembudayaan ilmu seperti wacana, diskusi, “kegilaan membaca dan menulis” dan persekitaran yang mesra intelektualisme nampaknya tidak lagi menjadi trend dan aset penting khususnya di universiti tempatan. Bahkan personaliti sedemikian tidak lagi menyerlah di kampus, malah nampaknya semakin pupus melawan arus masa. Tidak ada lagi debat atau diskusi ilmiah tentang isu-isu pokok yang membabitkan perkembangan semasa dalam arena politik, ekonomi, sosial, sains atau teknologi. Kalaupun ada jarang-jarang sekali dianjurkan. Itu pun dengan segala macam syarat dan perkiraan supaya tidak bersifat sensasi dan sensitif.

Akhirnya aktiviti kampus yang sepatutnya meriah ilmu menjadi hambar dan lesu sehingga menyebabkan apa sahaja yang dianjurkan atas nama ilmu dan budaya ilmu dilihat dari perspektif lain, umpamanya syarat kehadiran, keperluan kredit, memenuhi jam CPD dan takut melanggar arahan! Hal ini bukan sahaja ketara dalam kalangan mahasiswa, malah semakin membimbangkan kerana program murni tersebut tiada menjadi keutamaan yang dinanti-nantikan oleh warga kampus seluruhnya. Keadaan ini mewujudkan persekitaran akademik yang hambar, percambahan daya fikir yang terbatas dan kejumudan pemikiran termasuklah dalam kalangan komuniti akademik.

Perlu juga disebutkan bahawa salah satu faktor yang memungkinkan sesebuah universiti melahirkan sarjana besar, profesional tersohor dan tokoh ilmuwan ialah ekosistem intelektual yang segar dan mendorong kepada pembinaan minda kelas pertama dan jiwa global.¹⁷ Inilah ramuan dan rempah-ratus yang memungkinkan lahirnya sarjana besar, intelektual dan pakar rujuk dalam sesuatu disiplin ilmu. Fenomena inilah juga yang membezakan antara aktiviti dan budaya ilmu, antara universiti biasa dengan universiti tersohor.

KEMAJUAN ILMU SEBENAR

Persoalan-persoalan ini penting untuk kita bincang dan fahami kerana kemajuan ilmu dan kualiti pengajian tinggi bersifat budaya dan citra karisma, dan tidak sepatutnya diukur dengan perbandingan angka semata-mata (walaupun angka biasanya dijadikan sandaran untuk merangka sesuatu petunjuk utama prestasi).

¹⁷ Hal ini dibincangkan dalam Zaini Ujang, *Menghayati Budaya Ilmu*, hal. 25-32.

Kita tidak boleh terpesona dengan angka graduan yang bertambah setiap tahun dalam pelbagai bidang, atau jumlah graduan yang berkemahiran tinggi yang memenuhi syarat untuk bekerja dalam syarikat multinasional. Kita juga tidak boleh terpesona dengan jumlah profesor, bilangan pensyarah berkelayakan PhD atau pelbagai anugerah digondol untuk berhujah bahawa kemajuan dan kualiti ilmu dalam kalangan warga universiti tempatan, misalnya adalah selari dengan kualiti pengajian tinggi bertaraf dunia. Kualiti pengajian tinggi juga tidak boleh disempitkan kepada pengiktirafan ISO atau persijilan dan akreditasi badan-badan profesional sahaja.

Kemajuan ilmu yang sebenar dalam konteks sesebuah komuniti intelektual, pada hemat saya, tersurat menerusi kualiti jiwa, minda, aspirasi, cara hidup dan kemahiran yang dibangunkan dalam diri setiap anggota dalam warga kampus, termasuklah mahasiswa.¹⁸ Hal ini merangkumi sikap mereka terhadap nilai ilmu, sumber ilmu, bahan-bahan ilmu dan ilmuwan. Apakah warga universiti telah menghayati cara hidup yang sesuai dengan tuntutan ilmu dan mempunyai aspirasi mesra ilmu? Apakah tradisi membaca dan menulis dihayati selepas tamat pengajian? Apakah minda kita sarat dengan asas-asas ilmu yang memberi penekanan kepada kebenaran, keadilan, dan ketulusan dalam tindak-tanduk harian? Apakah iktibar ilmu dan ilmuwan diamalkan dalam pentadbiran universiti, pengurusan modal insan, pengabdian ilmu, penyelidikan termaju, komersialisasi, pengajaran dan pembelajaran?

DIMENSI KUALITI

Untuk mencapai tahap dan kualiti kemajuan ilmu yang tinggi, banyak persoalan dasar dan falsafah ilmu perlu ditangani. Namun soal pokok ialah dimensi kualiti pengajian tinggi itu sendiri seharusnya holistik, komprehensif dan struktural. Dimensi kualiti seharusnya merangsang sesebuah warga kampus untuk menjadikan nilai ilmu sebagai asas dan teras kehidupan. Ini bermakna bahawa ilmu itu dihayati dalam erti kata yang semurnya – contoh, sebagaimana moto UTM iaitu Kerana Tuhan Untuk Manusia - tanpa terlalu dibayangi oleh kepentingan dan pengaruh fahaman utilitarianisme.¹⁹ Aspek-aspek lain seperti kematangan, perkembangan sahsiah, daya kepimpinan, budaya intelektual, ketrampilan dalam pelbagai kemahiran insaniah (*soft skills*) dan kerjaya juga dimantapkan. Permintaan pasaran kerja memang perlu diberi perhatian, namun jangan sekali-kali sampai meletakkan tuntutan permintaan pasaran kerja itu menjadi agenda utama.

Kualiti dan budaya ilmu di kampus boleh dicorakkan dengan pelbagai cara dan pelaksanaannya sudah pasti memakan masa yang lama. Namun demikian, pentadbiran UTM - sekadar contoh - telah sepakat bersetuju untuk melaksanakan lima pelan tindakan untuk membolehkan budaya ilmu menyerap dalam minda, jiwa dan amalan warga kampus, seperti berikut:

¹⁸ Lihat Zaini Ujang, *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, hal. 63-70.

¹⁹ Lihat misalnya Zaini Ujang, *Menjayakan Transformasi*, Penerbit UTM Press, 2009, hal. 11-12.

- i. *Menjadikan nilai ilmu sebagai aspek tertinggi dalam pemikiran, minda, kehidupan dan kerja warga kampus, termasuklah mahasiswa, staf akademik dan staf sokongan.* Nilai ilmu merangkumi konsep, penghormatan, sasaran, idealisme, komitmen, amalan dan penghayatan kepada sumber ilmu, ilmuwan, proses keilmuan, adab dan kaedah untuk mendapatkan ilmu. Secara tidak langsung, komuniti kampus menjadi komuniti ilmu yang memenuhi pelbagai ciri melambangkan komitmen dan penghayatan terhadap amanah dan tuntutan ilmu.
- ii. *Meletakkan golongan ilmuwan pada martabat dan kedudukan yang sewajarnya dari segi penghormatan, peranan dan tanggungjawab.* Dalam hal ini, Majlis Profesor telah diwujudkan untuk membolehkan semua profesor bergabung dan berwacana pada tahap selayaknya untuk sama-sama memikirkan dan mencari kaedah meningkatkan lagi mutu dan penghayatan ilmu dalam kalangan warga kampus. Majlis Profesor tidak sama dengan Senat Universiti kerana keanggotaan Senat terhad kepada golongan pentadbir dan profesor yang dilantik oleh Naib Canselor berasaskan pelbagai faktor pengurusan dan komposisi yang ideal. Perlu juga ditegaskan bahawa jawatan pentadbiran seperti Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Dekan dan Ketua Jabatan tidak sepatutnya menjadi idaman atau keutamaan bagi kalangan ahli akademik untuk dijadikan matlamat apatah lagi direbutkan. Sebaliknya, status sebagai profesor ternama yang diiktiraf rakan sebidang (*peer group*) di peringkat nasional dan antarabangsa perlu dijadikan sasaran atau matlamat oleh semua ahli akademik. Untuk sampai ke tahap tersebut, tentu sekali tahap komitmen dan sumbangan dalam disiplin ilmu menjadi syarat utamanya.
- iii. *Memastikan seluruh warga kampus turut terlibat dalam proses peningkatan dan penghayatan ilmu.* Profesor perlu meneruskan penerokaan baru dalam aktiviti penyelidikan disiplin ilmu yang khusus, tetapi *interdisciplinary* menerusi *Research Alliance* terlibat secara aktif dalam kegiatan profesional peringkat antarabangsa bagi membolehkan disiplin ilmu di universiti berkenaan terus berkembang. Para pensyarah perlu membantu profesor untuk menjalankan penyelidikan dan penyeliaan pelajar siswazah. Pensyarah muda pula perlu mensasarkan fokus mereka untuk terus belajar sehingga mendapat ijazah kedoktoran dan tauliah profesional. Mahasiswa menekuni disiplin ilmu masing-masing di samping mempelajari adab dan tata susila komuniti ilmu. Para petugas makmal dan pejabat; pengawal keselamatan dan pemandu; pegawai sukan dan pentadbir kolej kediaman, pegawai penyelidik dan staf pentadbiran; pustakawan dan pegawai IT, malah semua lapisan tidak boleh terkecuali untuk terus belajar dan mencari kesempatan menambah ilmu bagi memastikan amalan terbaik dilaksanakan dalam melakukan tugas harian.
- iv. *Menjadikan program akademik seperti kuliah, tutorial, makmal dan kerja lapangan sebagai majlis ilmu yang diberkati Illahi.* Hal ini perlu difahami

dan dihayati oleh semua staf dengan niat yang tulus, memperbetulkan objektif pembelajaran, mematuhi adab belajar (pensyarah dan pelajar sekali gus) dan komited terhadap visi penerokaan ilmu.

- v. *Menghargai bukan tujuan untuk pendewaan dan penyuburan sifat kesombongan, ego dan bangga diri, sebaliknya sebagai insentif dan penghormatan ilmu untuk diteladani orang lain* – kepada mereka yang memberi sumbangan besar bagi kemajuan ilmu, sama ada menerusi penghasilan buku, penerbitan dalam jurnal ternama, pelantikan sebagai editor, profesor atau ketua bagi sesuatu projek keilmuan dan inovasi dalam sesuatu disiplin ilmu menerusi harta intelek.

Jika dikaji lebih terperinci, banyak lagi inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi menyuburkan budaya ilmu di kampus. Dalam konteks universiti ternama misalnya, seseorang staf akademik dianggap mendapat penghargaan besar jika diberi tanggungjawab mengetuai sesebuah makmal penyelidikan dan menguruskan kewangan sendiri untuk aktiviti penyelidikan dan pembelajaran. Selain itu, insentif dalam bentuk kemudahan dan geran penyelidikan projek rintis juga boleh mendorong minat seseorang ahli akademik muda untuk memulakan program penyelidikan dan seterusnya melibatkan diri secara serius dalam penerokaan ilmu.

PENUTUP

Kecemerlangan dan pencapaian “mengangkasa” pengajian tinggi memerlukan ekosistem intelektual yang subur dan simbiotik di mana seluruh komponen memainkan peranan masing-masing menyuburkan budaya ilmu. Dalam konteks yang tersendiri, budaya ilmu tidak seharusnya tersudut kepada proses pengijazahan, biarpun tugas utama universiti moden dari segi statutnya ialah satu-satunya institusi penganugerahan ijazah.

CATATAN PENGENALAN

Prof. Dato' Dr. Ir. Zaini Ujang dilahirkan di Kampung Inas, Johol, Negeri Sembilan. Mendapat B.Chem. Eng. (UTM), M.Sc. (Environmental Eng.) dan Ph.D. (Environmental Eng.) dari Newcastle University, England. Merupakan Felo Akademi Sains Malaysia, Fellow Institute of Chemical Engineers (UK), Chartered Engineer (UK Engineering Council), Chartered Scientist (UK Science Council), Chartered Water and Environmental Manager (CIWEM, UK), Jurutera Profesional (BE Malaysia) dan pernah menjadi Naib Presiden Persatuan Air Antarabangsa (London) (2004-2006). Dilantik sebagai Profesor Kejuruteraan Alam Sekitar di UTM pada 2002. Sejak Oktober 2008, Zaini menjadi Naib Canselor UTM, dan pada Februari 2007, dilantik Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Beliau telah menerbitkan 18 buah buku, lebih 40 artikel dalam jurnal saintifik dan lebih 150 artikel dalam bentuk prosiding. Beliau juga telah mendaftarkan 20 harta intelek dalam bentuk paten, hak cipta dan rekabentuk industri.